

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	26 JUNE 2016

Agenda kemaslahatan rakyat pikat pengundi sokong BN

Um- 26/6/2016

PUTRAJAYA 25 Jun - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, kejayaan utama kerajaan pimpinan Barisan Nasional (BN) dalam Pilihan Raya Negeri Sarawak dan dua Pilihan Raya Kecil (PRK) masing-masing di Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak baru-baru ini membuktikan rakyat memberi sokongan kepada sebuah kepimpinan yang mengutamakan kemaslahatan rakyat secara keseluruhan.

Beliau berkata, biar pun kerajaan pimpinannya diserang dengan pelbagai fitnah dan tohmahan, rakyat masih memberi sokongan padu kerana pihaknya meletakkan kepentingan rakyat sebagai agenda utama.

"Alhamdulillah, di Malaysia kita dapat mara ke hadapan kerana rakyat memilih kerajaan yang mengutamakan kemaslahatan umat dan kebajikan rakyat.

"Kalau orang kata kita menang sebab beri dedak itu merupakan satu penghinaan kepada rakyat, ini kerana mereka tahu menilai dan membuat keputusan, kita bagi bantuan sebab itu telah menjadi kewajiban kita dan bukan untuk menghina rakyat dengan memberi makan dedak. Kerajaan lakukan ini kerana kita penting-

kan kemaslahatan rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap ketika merasmikan program Nur Ramadan Putrajaya di Masjid Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor; timbalannya, Datuk Dr. Loga Bala Mohan; Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Adnan Md. Ikshan dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Seri Hasim Ismail.

Dalam program itu, seramai 8,750 orang yang terdiri daripada asnaf, anak yatim, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya dan mereka kurang berkemampuan yang tinggal di 13 kawasan Parlimen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan masing-masing menerima sumbangan wang tunai RM150 daripada Kementerian Wilayah Persekutuan dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

Selain itu, mereka juga menerima sumbangan sebanyak 10 kilogram beras dan dua kilogram gula daripada Yayasan al-Bukhary serta sumbangan telekung dan sejadah daripada Yayasan Wilayah Persekutuan.

Menurut Perdana Menteri lagi,

sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab, pihaknya akan meneruskan program yang mementingkan kemaslahatan rakyat sebagai agenda utama penyatuan umat Islam di negara ini.

Najib berkata, antara usaha kerajaan meletakkan kemaslahatan rakyat sentiasa sebagai agenda utama kerajaan ialah menerusi pembinaan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang dijual pada harga lebih murah daripada pasaran.

Selain itu, katanya, kerajaan juga bakal menyiapkan sebuah sekolah agama di Putrajaya pada tahun hadapan dengan peruntukan lebih RM47 juta.

Dalam pada itu, beliau turut menggesa umat Islam di negara ini menghentikan perbalahan dan pertelingkahan sesama sendiri yang akhirnya bakal memberi kesan buruk terhadap negara terutamanya dalam bulan Ramadan yang penuh mulia.

Najib turut meminta rakyat di negara ini mengambil iktibar daripada kesan huru-hara yang berlaku di negara Asia Barat seperti Syria, Iraq, Palestin dan Libya berikutan keadaan politiknya yang tidak stabil sehingga menyebabkan rakyatnya sengsara.